

91
NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perkembangan perlaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) di dalam usaha untuk melahirkan sasaran 125,000 orang Huffaz Profesional menjelang tahun 2050 di bawah Gagasan TN50.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merupakan dokumen yang penting sebagai landasan jangka panjang bagi mewujudkan pendidikan tahfiz berkualiti seterusnya melahirkan modal insan dan generasi al-Quran dengan memberi penekanan kepada teras-teras berikut :

- i. memantapkan mekanisme kawalan pendaftaran;

- ii. memperkenalkan model institusi tahfiz yang diiktiraf;
- iii. memantapkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana;
- iv. memperkasa tadbir urus institusi tahfiz; dan
- v. mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz.

Pada masa ini semua negeri telah menerima pemakluman Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). DPTN juga telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) kali ke-61 yang telah bersidang pada pada 28 Jun 2016. Mesyuarat Majlis Raja-Raja juga telah disembah maklum pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke 247 pada 11 Oktober 2017.

Kerajaan Negeri berperanan untuk menerima pakai dasar tersebut seterusnya melaksanakan pelan tindakan yang telah digariskan. Peranan besar oleh Kerajaan Negeri adalah untuk menjayakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara ini di negeri-negeri.

Di peringkat Persekutuan, pelan tindakan telah mula digerakkan seperti pembinaan model pengajian tahfiz, kurikulum, pengiktirafan dan penelitian kepada peraturan berkaitan penubuhan dan operasi sekolah tahfiz. Usaha ini adalah untuk memperkasakan institusi tahfiz bagi melahirkan sasaran 125,000 orang Huffaz Profesional menjelang tahun 2050 di bawah Gagasan TN50.

Sekian, terima kasih.